

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

## **Kempen Terangi Dunia Mendorong para Orang Suci Malaysia untuk Melayani dan Mengangkat Mangsa Banjir di Klang Valley, Malaysia**

Dua hari sebelum Krismas, pada 23 dan 24 Disember, para Orang Suci Zaman Akhir Malaysia dari Daerah Kuala Lumpur, Semenanjung Malaysia menyibukkan diri untuk menganjurkan kempen sumbangan makanan untuk mangsa banjir di Klang, Selangor. Sumbangan dari cabang-cabang telah dihantar ke Cabang Puchong. Keesokan harinya, barang tersebut telah dihantar ke pusat pemindahan dan pengedaran di Klang. Di pusat itu para ahli meluangkan masa satu hari sukarela membantu. Mereka membantu memuatkan trak dan juga melawat kawasan, rumah dan keluarga yang terjejas akibat banjir.



Keluarga di kampung terpencil ini menerima makanan, pakaian dan keperluan lain. Kampung ini terletak di sebelah pintu air dan terletak di bawah paras laut. Hujan lebat dan banjir membawa banyak kerugian kepada banyak pihak.

“Banyak sumbangan datang daripada para ahli Gereja dalam masa kurang daripada 24 jam,” luah Michael Tamilarason, seorang ahli Gereja yang membantu dalam menganjurkan kempen sumbangan makanan untuk Daerah. “Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa untuk menyaksikan para ahli menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir Klang Valley dalam tempoh yang singkat.”.

Dia seterusnya mengulas, “Wakil dan ketua kawasan Klang, Encik Charles Santiago, bukan sahaja sangat gembira menerima sumbangan makanan dan keperluan daripada para ahli Gereja, tetapi juga tenaga kerja untuk membantu memuatkan trak yang akan mengagihkan sumbangan. Dalam mesej Twitternya, Encik Santiago menyampaikan penghargaannya kepada Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir atas sumbangan yang murah hati dan kepada para ahlinya yang secara sukarela membantu di pusat bantuan dan pengedarannya di Klang.”

Sumbangan makanan tidak mudah rosak, peralatan pembersihan, lampin bayi, peralatan mandian, peti pertolongan kecemasan dan keperluan lain-lain untuk menyara hidup telah disumbangkan oleh para ahli cabang dari Daerah. Mereka memberikan sumber peribadi mereka untuk membantu meringankan kehidupan ramai mangsa yang terjejas teruk.

“Banyak kawasan yang dinaiki air semakin teruk membawa ketakutan besar di kalangan penduduk perbandaran dan kampung di Klang dan Shah Alam,” kata Perumal Nagapushnam, ahli jawatankuasa penganjur Daerah untuk sumbangan makanan itu. “Nyawa orang muda dan warga emas terancam. Akses ke kawasan-kawasan ini hampir mustahil kerana hujan berterusan dan air naik dengan cepat. Dron terpaksa digunakan untuk menilai keadaan dan juga untuk menghantar makanan kepada individu yang terkandas di atas bumbung atau di dek atas rumah mereka.”

Di Asia Tenggara, musim tengkujuh pada bulan November dan Disember adalah masa apabila masyarakat bersiap sedia untuk hujan lebat, angin kencang dan banjir. Tahun ini di Semenanjung Malaysia, bagaimanapun, hujan lebat yang luar biasa dan tidak henti-henti selama beberapa minggu menyebabkan komplikasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang membawa kepada banjir teruk di banyak kawasan. Perbandaran Klang dan Shah Alam serta kampung berhampiran terjejas teruk. Banyak rumah dan orang ramai telah dipindahkan atau terperangkap di dalam rumah mereka menyebabkan mereka tanpa makanan, air bersih dan elektrik.

“Keadaan rumah dan persekitaran selepas banjir tidak dapat dibayangkan. Melihat gambar dan video di pelbagai saluran media tidak cukup untuk menyatakan tapak sebenar kemusnahan banjir. Rumah-rumah telah dikosongkan daripada segala-galanya. Beberapa rumah hampir tidak boleh didiami. Pokok pisang dilitupi lumpur. Jalan-jalan dipenuhi perabot, tilam dan barang rumah yang reput. Tidak ada seekor ayam atau itik yang kelihatan di kampung-kampung ini,” kata Angelina Chong, salah seorang sukarelawan.

Walaupun ia akan mengambil masa berbulan-bulan bagi penduduk dan orang kampung untuk pulih daripada kerosakan besar yang disebabkan oleh banjir monsun, kebajikan amal yang disumbangkan oleh para ahli Gereja dari Daerah Kuala Lumpur Malaysia dan banyak lagi akan memberi kesan yang luas kepada beribu-ribu nyawa di saat kesusahan dan ketakutan mereka. Tindak balas segera oleh para Orang Suci Zaman Akhir untuk mempercepatkan kerja dan menyelesaikan kutipan serta pengagihan derma dalam masa kurang daripada 30 jam adalah satu kejayaan yang menakjubkan.

Presidensi Daerah Kuala Lumpur Malaysia dan para pemimpin Cabang sangat gembira dengan sumbangan para ahli Gereja dan dedikasi sukarelawan. Seruan penting untuk melayani dan mengangkat nyawa mangsa banjir yang dalam kesusahan dilihat sepenuh hati.

Sesungguhnya, tahun 2021 telah berakhir dengan mulia bagi para ahli Daerah Kuala Lumpur Malaysia Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.



Seorang mangsa banjir menerima makanan, pakaian dan keperluan lain.



Para Orang Suci Zaman Akhir membungkus makanan dan keperluan tambahan yang akan dihantar ke tempat yang terjejas oleh banjir.



Para saudari Lembaga Pertolongan menganjurkan pek dermaan di pusat pemindahan dan pengedaran di Klang, dan menyerahkan barang-barang untuk dimuatkan ke dalam trak penghantaran.



Kuorum Penatua dan Lembaga Pertolongan bekerjasama.



Salah satu daripada banyak trak penghantaran yang diisi pek makanan oleh para saudara Orang Suci Zaman Akhir. Barangani itu akan dihantar ke kawasan yang terjejas akibat banjir.



Para ahli gereja dan sukarelawan komuniti yang lain bekerja secepat mungkin untuk memastikan penghantaran barangani yang pantas kepada mangsa banjir.



Ahli jawatankuasa penganjur Daerah Kuala Lumpur Malaysia berbual dengan sukarelawan tempatan di pusat pemindahan dan pengedaran di Klang.



Para ahli gereja membentuk rantai manusia yang membantu menggerakkan kerja secepat mungkin.



Selepas menyediakan dan meletakkan palet, para saudari Lembaga Pertolongan mula menyusun barang yang disumbangkan di bawah kanopi.



Makanan dan keperluan yang disumbangkan oleh para Orang Suci Zaman Akhir dari Daerah Kuala Lumpur Malaysia dimuatkan ke dalam trak yang akan menghantar barang-barang ini ke pusat pemindahan dan pengedaran di Klang (Selangor).



Para ahli gereja dan misionari sepenuh masa bekerja bersama untuk memuatkan trak penghantaran.



Menyusun barang yang disumbangkan ke dalam trak penghantaran.



Para Orang Suci Zaman Akhir bekerja bersama sukarelawan komuniti lain di pusat pemindahan dan pengedaran di Klang.